

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS
ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 6 FEBRUARI (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji keperluan untuk memperluas pensijilan penjagaan warga emas bagi memastikan bakat tersedia dalam sektor penjagaan sebagai persediaan Malaysia menjadi negara menua menjelang 2030; dan apakah status terkini penggubalan Akta Warga Emas dan Akta Profesional Kerja Sosial serta garis masa pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institusi Sosial Malaysia (ISM) menawarkan **Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga (Caregivers)**.
2. Kursus ini bertujuan memberikan latihan dalam penjagaan asas bukan sahaja kepada penjaga (caregivers) di institusi kebajikan JKM, pusat jagaan badan bukan kerajaan (NGO) dan pusat jagaan swasta. Pada tahun 2024, sebanyak **12 siri kursus** telah dilaksanakan dan seramai **385 penjaga** telah mengikuti kursus tersebut
3. **Kursus ini juga turut diperluaskan kepada sukarelawan khidmat bantu di rumah (KBDR) serta individu yang menjaga ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan dan pengagan.** Peluasan latihan penjagaan ini bagi memastikan semua pihak dapat memberikan penjagaan profesional menjelang Negara Tua pada tahun 2030 nanti.
4. Berhubung dengan penggubalan Akta Warga Emas, KPWKM telah selesai menjalankan satu **Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia**. Sehubungan itu, Kementerian sedang meneliti kesesuaian untuk mewujudkan perundangan khusus bagi menjamin kebajikan dan perlindungan warga emas agar kesejahteraan mereka terjamin.
5. Justeru, KPWKM akan mengemukakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Niat kepada semua Kementerian bagi mendapatkan pandangan lanjut berhubung keperluan penggubalan undang-undang khusus kepada warga emas ini dalam masa terdekat. Antara penelitian yang dibuat adalah untuk **menilai penggubalan satu akta yang baharu atau membuat penambahbaikan melalui pindaan-pindaan kepada akta sedia ada yang bersesuaian**. Hasil daripada ulasan yang diterima kelak akan menjadi asas kepada pewujudan undang-undang ini.

NO SOALAN : 4

6. Berkaitan dengan status pengubalan Rang Undang-Undang (RUU) Profesjon Kerja Sosial pula, suka saya memaklumkan bahawa **KPWKM sedang dalam fasa akhir penggubalan dan optimis RUU tersebut dijangka dapat dibentangkan di Parlimen pada tahun ini** selepas melalui pelbagai perbincangan dan penambahbaikan yang bersesuaian. Selain itu perubahan dan perkembangan terkini di negara ini memerlukan penyesuaian yang komprehensif dalam penggubalan RUU berkenaan.

7. Bagi KPWKM, RUU ini amat penting untuk memartabatkan **profesjon kerja sosial di Malaysia demi memastikan bidang ini dilindungi serta mempunyai garis panduan yang jelas**. Melalui perundangan ini, profesion kerja sosial akan diiktiraf dan negara bakal mempunyai pekerja sosial yang terlatih dan profesional. Perkara ini akan disokong melalui pendaftaran dan perakuan amalan yang akan dikawal selia oleh satu badan profesion.

Sekian, terima kasih.